

## BERITA

Selasa November 19, 2013

# Pemeriksaan Perubatan Percuma Untuk Semua

**RAWANG:** Kelab Rotary Petaling Jaya (RCPJ) dengan kerjasama Inner Wheel Club telah melancarkan Kem Perubatan 2013 bagi meningkatkan taraf dan kualiti hidup 200 penduduk di Batu Arang semalam. Kem Perubatan ini merupakan aktiviti yang dilaksanakan oleh RCPJ bagi membantu penduduk yang kurang berkemampuan untuk menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

Perkhidmatan yang diberi merangkumi pemeriksaan am, pemeriksaan kolesterol dan kencing manis oleh Yayasan Buah Pinggang Negara, pemeriksaan mata khususnya untuk mengesan cataract dan glaucoma, pemeriksaan gigi, pemberian ubat cacing dan sebagainya. Kesemua pemeriksaan ini dilakukan oleh doktor dan pakar dalam bidang berkenaan.



**Presiden Kelab Rotary Petaling Jaya Kapten H.S.Dharan (tiga dari kiri) melihat pemeriksaan gigi yang dilaksanakan oleh pakar gigi.**

Kapten H.S.Dharan, Presiden RCPJ berkata bahawa lebih 50 peratus daripada penduduk di Batu Arang merupakan warga emas dan amat memerlukan sokongan sebegini. Menurut beliau, melalui program ini ramai penduduk berpeluang mengetahui status kesihatan masing-masing dan akan seterusnya mengubah gaya hidup untuk meningkatkan kualiti hidup masing-masing. Kampung Batu Arang pada 60-an amat menyumbang kepada ekonomi negara melalui industri batu arang dan kebanyakan warga emas yang masih menetap di situ merupakan penyumbang yang telah berkhidmat di industri tersebut - **BERNAMA**